

24 SEP 1997

Jerebu-Johari

JANGAN PANIK BERHUBUNG KENYATAAN PERPINDAHAN BERAMAI-RAMAI

KUCHING, 24 Sept (Bernama) -- Orang ramai di sini dinasihatkan agar tidak cemas dengan kenyataan Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat bahawa perpindahan beramai-ramai terpaksa dilakukan jika keadaan jerebu bertambah buruk.

Menteri Pembangunan Perindustrian negeri, Datuk Abang Johari Tun Abang Haji Openg, yang menghubungi Bernama di sini hari ini berkata beliau dihujani panggilan telefon daripada orang ramai yang bimbang berhubung kenyataan itu.

Mohamed, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara, berkata semalam pada masa ini jawatankuasa berkenaan di peringkat negeri diminta memaklumkan dengan segera mengenai kesan jerebu pada peringkat yang amat bahaya terhadap orang ramai.

Abang Johari berkata seperti yang dijelaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, langkah itu hanya akan dilakukan sebagai pilihan terakhir.

Beliau menasihati orang ramai agar mengikuti semua arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Sarawak Berhubung Bencana Jerebu.

Katanya sekalipun darurat jerebu masih berkuatkuasa kerana bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) berada di atas paras amat berbahaya, keadaan masih di bawah kawalan.

Beliau juga meminta orang ramai agar mendengar siaran radio bagi maklumat terkini tentang keadaan jerebu dan mengikuti arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. -- BERNAMA

OPP AKD